

Universiti Malaysia PAHANG



Akademi Sains Malaysia berkunjung ke UMP

Seramai 20 orang delegasi daripada Akademi Sains Malaysia (ASM) yang juga disertai ahli akademik dari dalam dan luar negara hadir ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi mengadakan perbincangan dan perkongsian kepakaran berkaitan hasil penyelidikan universiti serta melawat kemudahan makmal di UMP pada 8 Mei 2012 yang lalu.

Kunjungan ini mengambil kesempatan sempena lawatan pihak delegasi ASM ke Kilang Lynas Advanced Material di Gebeng, Kuantan dan Simposium Nadir Bumi Antarabangsa anjuran ASM di Kuala Lumpur baru-baru ini.

ASM merupakan kumpulan pemikir sains dan teknologi bebas dan Majlis Profesor Negara (NPC) adalah badan yang mempunyai lebih 1,500 ahli daripada universiti awam dan swasta yang menjalankan kajian menyeluruh mengenai isu nadir bumi dan potensi sumbangannya kepada ekonomi Malaysia.

Antara yang hadir adalah Naib Presiden ASM, Datuk Ir Ahmad Zaidee Laidin yang juga Profesor Pelawat di UMP dan Alastair S Neill yang merupakan pakar utama nadir bumi dari Kanada yang juga Naib Presiden Eksekutif Dacha Strategic Metals.

Lain-lain yang hadir adalah Pengarah Makmal Bahan Kimia dan Aplikasi Nadir Bumi,

Profesor Chun-Hua Yan dari Peking University, Ketua Makmal Analitik Jabatan Pengurusan Keselamatan, Christoph Wilhelm dari Karlsruhe Institute of Technology (KIT) di Jerman dan Jack Lifton, pengasas bersama Technology Metals Research LLC dari Amerika Syarikat.

Hadir menyambut delegasi ialah Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Engr. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.

Menurut Profesor Engr. Dr. Badhrulhisham, kunjungan ini memberi peluang kepada UMP berkongsi kepakaran mengenai hasil kajian terhadap nadir bumi bersama pakar dari luar negara.

Beliau yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja Nadir Bumi, ASM dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Penyelidikan Nadir Bumi UMP berkata, pihak universiti mempunyai ramai penyelidik dan kepakaran dalam menjalankan kajian berkaitan nadir bumi.

"Kunjungan ini juga memberi peluang kepada UMP untuk mengadakan rundingan kerjasama dengan pihak KIT dan Peking University dalam bidang akademik dan

penyelidikan," katanya selepas menyampaikan taklimat universiti kepada pihak delegasi di Dewan Bankuet, Canseleri UMP.

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff berkata, hasil penyelidikan nadir bumi yang dijalkannya sendiri bersama Profesor Jose Rajan dengan kerjasama Kolej Universiti Trivandrum (India) dan Syarikat Noritake (Jepun), sebagai contoh, berjaya menghasilkan sebatian kompleks dielektrik baharu berbentuk nanokristal yang dihasilkan untuk kegunaan bahan elektronik bagi kegunaan harian pengguna yang lebih mesra alam.

Katanya, sebatian berpotensi bagi contoh aplikasi seramik gelombang mikro dengan kehilangan dielektrik yang rendah ini dapat bertindak balas dengan memanfaatkan elemen nadir bumi thulium. Hasil penyelidikan sejak dua tahun lalu juga telah diterbitkan dalam *Journal of Alloys and Compounds* pada tahun ini.

Dato' Dr. Daing mengharapkan kunjungan ini dimanfaatkan dan seterusnya membina jaringan kerjasama dalam berkongsi kepakaran dengan pakar dari luar negara bagi merencanakan budaya penyelidikan di UMP.